

14 OCT 2000

Mahathir-Ekonomi

MALAYSIA BERSEDIA HADAPI KEMUNGKINAN KEGAWATAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Malaysia kini bersedia menghadapi sebarang kemungkinan kegawatan dalam ekonomi global, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Ya, kita sudah bersedia. Kita akan melindungi ekonomi kita daripada kesan sebarang kegawatan dalam ekonomi dunia," katanya pada persidangan akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) ke-47 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Dr Mahathir memberi reaksi demikian ketika menjawab soalan mengenai sama ada Malaysia sudah bersedia untuk menghadapi sebarang jangkakan kemelesetan ekonomi dunia berikutan kelemahan pasaran ekuiti di Amerika Syarikat.

"Malahan sekarang, anda boleh melihat prestasi bursa saham kita tidak sama dengan bursa saham lain di seluruh dunia.

"Apabila mereka (bursa saham lain) turun, kita (Bursa Saham Kuala Lumpur) naik. Dan, apabila mereka meningkat, kita menurun," tambahnya.

Walaupun Dr Mahathir berkata BSKL tidak sepatutnya dikaitkan dengan bursa lain, beliau mengakui hakikat bahawa Malaysia mempunyai hubungan dengan seluruh dunia kerana negara ini adalah sebuah negara dagang.

Beliau juga berkata penurunan eksport Malaysia akan diimbangi oleh penurunan dalam import.

Apabila ditanya sama ada Belanjawan 2001 nanti adalah yang terakhir dibentangkan oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, beliau berkata: "Ini adalah soalan tidak langsung untuk bertanya bila Tun Daim akan meletakkan jawatan. Saya rasa anda perlu tanya beliau sendiri."

Merujuk kepada khabar angin mengenai keretakan hubungan antara beliau dan Daim, Dr Mahathir berkata sesetengah pihak menunggu Daim meletakkan jawatan untuk mengesahkan perkara ini (khabar angin tersebut).

"Ia kelihatan seolah-olah beliau bergaduh dengan saya. Oleh itu orang ramai menunggu beliau meletakkan jawatan dan kemudiannya berkata haa...beliau bergaduh dengan saya," tegas Dr Mahathir.

Apabila ditanya seterusnya sama ada beliau menafikan khabar angin itu Dr Mahathir menjawab: "Saya tidak mahu lagi menjawab soalan sedemikian. Saya dan bosan."

-- BERNAMA

MAD DVS ZK LAT